

0000

U 8575 BAH
MAHATHIR - CAMPURAN

KUALA LIPIS, 26 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED HARIINI BERKATA KERAJAAN CAMPURAN ANJURAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG TIDAK AKAN BERJAYA KERANA MASING-MASING AKAN BERTELINGKAH SESAHA SENDIRI UNTUK MENDAPAT JAUATAN-JAUATAN PENTING DALAM KERAJAAN ITU KELAK.

PERDANA MENTERI BERKATA, PARTI SEMANGAT 46 MENDAKUA IA BOLEH MENDAPAT 40 KERUSI PARLIMEN DAN AKAN BERGABUNG DENGAN PAS, YANG DIPERCAYAINYA AKAN MENDAPAT 20 KERUSI DAN DAP 30 KERUSI, UNTUK MEMBENTUK SEBUAH KERAJAAN.

+TETAPI KERAJAAN SEPERTI INI TIDAK MUNGKIN LEBIH KUKUH. MEREKA AKAN BERPERANG SESAMA SENDIRI UNTUK JAUATAN-JAUATAN TERTENTU,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERUAKILAN UMNO BAHAGIAN LIPIS, DI DEUAN MAJLIS DAERAH DISINI.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI YANG DISERTAI OLEH ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DRSITI HASMAH MOHD ALI, DISAMBUK DENGAN IRINGAN KOMPANG DAN PEMBAUA-PEMBAUA BUNGA MANGGAR KETIKA TIBA DI PADANG BESAR, DI SINI DENGAN HELIKOPTER.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARTI-PARTI ITU AKAN MERASA TAKUT TENTANG KEDUDUKAN MASING-MASING DALAM KERAJAAN KERANA BIMBANG RAKAN GABUNGAN BERTINDAK MENINGGALKAN KERAJAAN DAN SETERUSNYA MENUMBANGKANNYA. -- LAGI

1844MST 26 08 89

DO30

U 8603 DEB
MAHATHIR - CAMPURAN 2 KUALA LIPIS

KATA BELIAU, KERAJAAN CAMPURAN BARISAN NASIONAL (BN), SEBALIKNYA, SUDAH TERBUKTI BERKESAN DAN CALON-CALONNYA BAGI MEMWAKILI SESUATU KAWASAN DALAM PILIHAN RAYA SUDAH DITENTUKAN SEBELUM PILIHAN RAYA LAGI.

+BUKAN SEBARANG PARTI CAMPURAN BOLEH MENJADI CAMPURAN YANG BERKESAN,+ KATANYA.

DATUK SRI DR MAHATHIR BERKATA SIKAP PARTI SEMANGAT 46 KINI SUDAH DIKETAHUI IAITU +MEREKA INGIN TENGGOK UMNO LEMAH, WALAPUN MEREKA TIDAK MENJADI LEBIH KUAT.+

BELIAU SETERUSNYA MEMBERIKAN CONTOH TINDAKAN PARTI ITU DALAM PILIHAN RAYA KECIL DEUAN UNDANGAN NEGERI DALAM KAWASAN TELUK PASU TEMPOH HARI, YANG MENYAKSIKAN PARTI ITU MEMBERIKAN-SOKONGAN PADA CALON PAS MENENTANG BN.

PENGERUSI BN ITU SETERUSNYA MENEKANKAN TENTANG PERLUNYA SETIAP PIHAK BERKORBAN DEMI KEPENTINGAN NEGARA.

DALAM PERJUANGAN POLITIK BN, KATANYA, YANG PENTING IALAH SOAL UNTUK MENDAPAT SEBERAPA BANYAK KERUSI PARLIMEN DAN NEGERI BAGI MEMBENTUK KERAJAAN PUSAT DAN KERAJAAN NEGERI YANG KUKUH. -- LAGI.

1926MST 26 08 89

DO31

U B604 DEB
MAHATHIR - CAMPURAN 3 KUALA LIPIS

BELIAU BERKATA SELEPAS MENGUASAI KERUSI-KERUSI ITU, MAKA RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN LANCAR.

KATANYA PENGORBANAN DIPERLUKAN, DAN TENTU ADANYA ORANG YANG TIDAK TERPILIH UNTUK MENJADICALON DI SESUATU KAWASAN.

+KADANG-KADANG TERASA KECEWA, TETAPI JIKA KITASABAR, KITA AKAN BEROLEH JUGANIKMAT DARIPADA PENGORBANAN ITU, + KATANYA SAMBIL MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA UMNO BAHAGAIN ITU YANG TELAH MEMBERI SOKONGAN KEPADA CALON BN (DARIMCA) PADA PILIHAN RAYA UMUM 1986 DI KAWASAN ITU.

KATANYA BELIAU SEDAR RAMAI YANG KECEUA DENGAN KEPUTUSAN IBU PEJABAT UMNO YANG MENGENEPIKAN CALON YANG DIKEMUKAKAN OLEH UMNO BAHAGIAN ITU UNTUK BERTANDING PADA PILIHAN RAYA UMUM KAWASAN PARLIMEN LIPIS ITU.

+KITAMINTA MAAF SEBAB MEMBUAT KEPUTUSAN ITU KERANA PERJUANGAN KITA IALAH PERJUANGAN NASIONAL, UNTUK MENDAPAT KEMENANGAN BAGI MENUBUHKAN KERAJAAN YANG BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN, + KATANYA. -- LAGI.
1928tIST 26 08 89

DO32

U 8605 DEB
MAHATHIR - CAMPURAN 4 KUALA LIPIS

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MENYINGKAP PERISTIUA KETIKA RAKYAT MEMPERJUANGANKAN KEMERDEKAAN.

PADAMASAITU, KATANYA, SOAL KEDAERAHAN TIDAK PERNAH DIPERTIKAIKAN DALAM MENERIMA DATUK ONN JAAFAR SEBAGAI PRESIDENUMNO.

SEKIRANYA SOAL DARIMANA DATANGNYA DATUK ONN DITIMBULKAN KETIKA ITU, KATANYA, NESCAYA PERJUANGAN UNTUK KEMERDEKAAN TERBANTUT DAN HENGAGALKAN USAHA UNTUK MENGHADAPAI KERAJAAN BRITISH KETIKA ITU.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR PAHANG TAN SRI KHALIL YAAKOB, MENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN DATUK SABBARUDDIN CHIK, MENTERI BURUH DATUK LIM AH LEK DAN ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PAHANG. -- BERNAMA.

1930MST 26 08 89